

memerlukan makanan)¹²⁸ dan memberi salam sama ada kepada orang yang telah engkau kenali atau belum.”¹²⁹

Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Baihaqi, Thabaraani dan lain-lain). (8) Menurut Imam Thahaawi, amalan yang paling afdhal, paling baik dan paling disukai Allah bukan satu sahaja. Di bawahnya boleh termasuk sekian banyak afraad. Perkataan-perkataan ini bagaikan kulliyyaat yang terdapat di bawahnya beberapa afraad. Kerana itu tidak salah kalau Baginda s.a.w. memberikan jawapan-jawapan yang berbeza kepada soalan yang sama atau lebih kurang sama. (9) Mungkin juga shighah tafdhil yang digunakan di sini tidak dipakai dengan ma'na asalnya. Ia hanya menunjukkan kepada kelebihan sahaja tanpa membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. (10) Ada juga 'ulama' berpendapat bahawa perkataan من telah dibuang sebelum perkataan أحب أو أفضل atau خير dan sebagainya. Walaupun dibuang ia dikira seperti ada juga. Maka jawapan Rasulullah s.a.w. di dalam hadits Abi Umaamah ini: مَنْ أَفْضَلُ الْعَمَلِ أَوْ الْأَعْمَالِ أَنْ تُلَازِمَ الصَّوْمَ (antara amalan yang paling afdhal ialah engkau selalu berpuasa).

¹²⁸ 'Memberi makan' disebut Rasulullah s.a.w. secara mutlaq tanpa sebarang qaid. Tujuannya ialah mengumumkan mafhumnya. Ia dengan itu merangkumi: (1) memberi makan kepada semua pihak, sama ada yang dikenali atau tidak, keluarga atau bukan keluarga, keluarga yang dekat atau yang jauh, sama bangsa atau tidak dan lain-lain. (2) semua jenis makanan, sama ada sedap atau tidak, sedikit atau banyak, mahal atau murah dan sebagainya. (3) memberi makan sehingga kenyang atau sekadar mengambil rasa sahaja. (4) makanan panas atau sejuk, berat atau ringan. (5) segala jenis makanan dan minuman. Di dalam al-Qur'an perkataan طَعِمَ يُطْعَمُ bukan digunakan untuk makan sahaja, tetapi digunakan juga untuk minum. Allah s.w.t. berfirman: وَمَنْ لَمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ مِنِّي Bermaksud: ...dan sesiapa yang tidak meminum airnya maka sesungguhnya dia adalah pengikutku... (al-Baqarah:249). (6) memberi makan secara beramai-ramai dengan mengadakan kenduri dan sebagainya atau memberi makan kepada individu tertentu. (7) memberi makan kepada binatang ternakan atau binatang peliharaan.

¹²⁹ Setiap bangsa yang bertamaddun mempunyai ucapan selamat dan sapaan tertentu antara sesama mereka ketika bertemu. Islam juga mempunyai ucapan selamatnya yang tersendiri. Setiap muslim dianjurkan agar menyapa satu sama lain dengan ucapan سَلَامٌ عَلَيْكُمْ atau السَّلَامُ عَلَيْكُمْ. Orang yang disapa dengan ucapan salam seperti itu diwajibkan menjawab dengan berkata: وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ. Antara keistimewaan dan kelebihan ucapan salam berbanding ucapan-ucapan selamat atau tabik-tabik hormat yang lain ialah kerana sebab-sebab berikut: (1) Ia merupakan ucapan selamat yang diguna oleh Allah sendiri. Lihat misalnya firman Allah ini:

سَلَامٌ قَوْلًا مِّن رَّبِّ رَحِيمٍ ﴿٢٠﴾

Bermaksud: (kepada mereka dikatakan): “Salam”, sebagai ucapan selamat dari Tuhan yang Maha Penyayang. (Yaasin: 58). Maksud ucapan selamat oleh Allah kepada seseorang ialah memuji dan memuliakannya.

(2) Ia adalah ucapan selamat yang digunakan oleh para malaikat dan para nabi a.s. Lihat sebagai contohnya firman Allah dan sabda-sabda Rasulullah s.a.w. di bawah ini:

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ ضَيْفِ إِبْرَاهِيمَ الْمُكْرَمِ ﴿٢٠﴾ إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا قَالَ سَلَامٌ قَوْمٌ مُنْكَرُونَ ﴿٢١﴾

(4) Di dalam al-Qur'an Allah menjadikan ucapan 'Salam' sebagai syi'ar orang-orang Islam. Allah juga melarang kita orang-orang Islam daripada berkata: "Engkau bukan orang yang beriman" kepada sesiapa jua yang memberi salam kepada kita. Lihat firmanNya ini:

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ أَلْفَىٰ إِلَيْكُمْ السَّلَامَ لَسْتَ مُؤْمِنًا

Bermaksud: ...dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang mengucapkan salam kepadamu (atau mengucap dua kalimah Syahadat): "Engkau bukan orang yang beriman"... (an-Nisaa':94).

(5) As-Salaam adalah salah satu nama Allah. Ia melambangkan Allah sebagai punca keselamatan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Lihatlah firman Allah di bawah ini:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَنَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٠﴾

يُشْرِكُونَ ﴿٢٠﴾

Bermaksud: Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia, Raja, yang Maha Suci, yang Maha Sejahtera, Yang Maha melimpahkan keamanan, yang Maha Memelihara, yang Maha perkasa, Yang Maha kuat (menundukkan segala-galanya), Yang memiliki segala keagungan. Maha suci Allah dari apa yang mereka persekutukan. (al-Hasyr: 23).

(6) Apabila anda memberi salam dengan mengatakan *عليكم السلام* kepada seseorang, bererti anda berdoa agar Allah yang merupakan punca keselamatan dan kesejahteraan memelihara dan menjaganya dengan sifatNya yang Maha Selamat Sejahtera itu. Ringkasnya, salam bukan sekadar ucapan penghormatan atau sapaan biasa untuk menegur orang semasa bertemu. Malah ia juga doa, kerana itu ia juga boleh dikirim.

(7) Salam diucapkan untuk memberi jaminan dan janji kepada orang yang diucapkan salam, bahawa ia akan selamat daripada gangguan lidah atau tangannya. Ia tidak perlu gelisah, resah, ragu, bimbang, khuatir atau takut apabila berurusan dengannya.

(8) Umat Islam dilarang memasuki rumah orang lain sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagimu, agar kamu (selalu) ingat. (an-Nur: 27).

(9) Salam bukan sahaja diucapkan ketika hendak masuk ke tempat yang berpenghuni. Allah bahkan mengajar kita supaya memberi salam juga ketika hendak masuk ke tempat yang tidak berpenghuni. Ini kerana sesuatu tempat yang pada pandangan mata kasar tidak berpenghuni itu tidak semestinya kosong daripada penghuni-penghuni dari kalangan makhluk halus atau malaikat. Allah berfirman:

٧- بَابُ مِنَ الْإِيمَانِ أَنْ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

(7) Bab: Sikap Seseorang Yang Suka Untuk Saudaranya Apa Yang Ia Suka Untuk Dirinya Adalah Sebahagian Daripada Iman.¹³⁰

فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ تَحِيَّةٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبَرَكَةٌ طَيِّبَةٌ

Bermaksud: ...Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) dirimu sendiri, salam yang ditetapkan dari sisi Allah, yang diberi berkat lagi baik... (an-Nur: 61).

Tersebut di dalam aatsaar para sahabat dan tabi'in lafaz salam ketika hendak masuk ke tempat yang tidak berpenghuni. Antaranya ialah atsar Ibnu 'Umar berikut. Kata beliau: إِذَا نَخَلَ الْبَيْتَ غَيْرِ الْمَسْكُونِ فَالْيَقُلْ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ Bermaksud: Apabila (seseorang) hendak masuk ke rumah yang tidak berpenghuni, dia hendaklah mengucapkan عَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ (salam sejahtera ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang saleh). (Atsar riwayat Bukhari di dalam al-Adabu al-Mufrad dan Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya. Ia bertaraf hasan.).

Hukum memberi salam adalah sunat. Menjawab salam pula wajib. Tetapi memberi salam lebih afdhal daripada menjawab salam, kerana orang yang memberi salam lebih bersifat tawaadhu' dan lebih baik hati daripada orang yang menjawab salam. Walaupun hukum asal menjawab salam wajib, namun para 'ulama' mengecualikan orang-orang yang berada dalam keadaan-keadaan tertentu daripada hukum wajib itu. Al-Hafiz Jalaluddin as-Suyuthi menyebutkan 20 semuanya dan mengumpulkannya dalam beberapa rangkap nazam. Di bawah ini dikemukakan nazam beliau itu:

رَدُّ السَّلَامِ وَاجِبٌ إِلَّا عَلَى ١ مَنْ فِي صَلَاةٍ أَوْ بِأَكْلِ شَعْلٍ
أَوْ فِي قِرَاءَةِ كَذَاكَ الْأَدْعِيَةِ ٢ أَوْ ذِكْرٍ أَوْ فِي خُطْبَةٍ أَوْ تَلْبِيَةٍ
أَوْ فِي قَضَاءِ حَاجَةِ الْإِنْسَانِ ٣ أَوْ فِي إِقَامَةِ أَوْ الْأَذَانِ
أَوْ حَاجِمٍ أَوْ نَاعِسٍ أَوْ نَائِمٍ ٤ وَحَالَةَ الْجَمَاعِ وَالْتِحَاكِمِ
أَوْ سَلَّمَ الْوَلَدُ أَوْ السُّكْرَانُ ٥ أَوْ شَابَةٌ يُخْشَى بِهَا افْتِتَانُ
أَوْ كَانَ فِي الْحَمَامِ أَوْ مَجْنُونًا ٦ فَهَذِهِ مَجْمُوعُهَا عَشْرُونَ

Bermaksud: Jawab salam wajib kecuali kepada: (1) orang yang sedang bersembahyang, (2) sedang makan atau (3) sedang membaca al-Qur'an. Demikian juga (4) orang yang sedang berdoa, (5) berzikir, (6) berkhutbah, (7) bertalbiah atau (8) sedang qadha hajat (buang air), (9) beriqamat, (10) melaungkan azan, (11) berbekam, (12) mengantuk atau (13) sedang tidur. Dan (14) ketika sedang bersetubuh dan (15) sedang mengadili perbicaraan atau (16) kanak-kanak, (17) orang mabuk, (18) gadis perawan yang ditakuti akan terpesona dengannya yang memberi salam atau (19) ketika berada di bilik air atau (20) dalam keadaan gila. Jumlah semuanya ialah dua puluh. (lihat Sulaiman bin Muhammad al-Bujairimi- Tuhfatu al-Habib 'Ala Syarhi al-Khathib j. 3 m/s 488, ad-Dimyaathi-I'aanatu at-Thaalibin j. 4 m/s 191, ar-Ramli- Nihaayatu al-Muhtaaj j. 26 m/s 366, Ibnu 'Aabidin as-Syami- Raddu al-Muhtaaj j.4 m/s 428).

¹³⁰ Di dalam bab-bab di bawah Kitatul Iman, Imam Bukhari sering kali meletakkan perkataan iman di tempat yang zahirnya menghendaki perkataan Islam. Di tempat yang zahirnya